

**SEJAUH MANA PERLAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN KESIHATAN  
OLEH JABATAN KESIHATAN DI SEKOLAH-SEKOLAH BAGI  
MENGATASI MASALAH KERACUNAN MAKANAN  
SELARAS DENGAN KEMPEN KEBERSIHAN  
DALAM MENINGKATKAN TAHAP  
KEBERSIHAN PELAJAR-PELAJAR  
DI NEGERI PERAK.**

**Oleh**

**Mohd. Fakhrurazi b Yahya 95870136**

**Suhaimi b. Abdul Rahim 96042960**

**Jamaludin b. Mat Noh 95872887**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNYUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
SERI MANJUNG  
2000**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, maka kami dapat menyiapkan kajian ini. Dengan ini syukur juga di atas kerjasama yang diberikan oleh berbagai pihak yang telah banyak membantu atau menyumbangkan buah fikiran. Nasihat serta tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian kami ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan terutama kepada Profesor Madya Encik Mohd Fauzi Bin Harun selaku Pensyarah Pad 340 yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat serta bimbingan dalam menyiapkan kertas projek ini.

Kami juga terhutang budi kepada Tuan Pengarah Kesihatan Negeri Perak, Tuan Pengarah Pendidikan Negeri Perak, Tuan Pengetua Sekolah Tuanku Abdul Rahman Ipoh, Sekolah Menengah Yuk Choy Ipoh, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pasukan Polis Hutan Ulu Kinta, Sekolah Kebangsaan Guru Nanak Ipoh, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Chemor Ipoh dan Sekolah Pendidikan Khas Ipoh serta tidak lupa kepada pegawai-pegawai daripada Jabatan Kesihatan Negeri Perak dan Daerah Kinta yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dan juga pengendali-pengendali kantin sekolah yang telah memberikan kerjasama dalam mendapatkan maklumat-maklumat dan pandangan-pandangan yang berguna bagi menjayakan kajian kami.

Terima kasih juga kepada pelajar-pelajar sekolah yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberikan kerjasama dengan memberikan pandang dan maklumat yang berguna untuk dijadikan sumber-sumber kajian.

Akhir kata kepada semua mereka-mereka yang telah bersusah-payah membantu kami menjayakan kertas projek ini, kami mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih.

Akhir sekali kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa kami, isteri serta anak kami yang telah banyak memberikan dorongan serta membantu dan menyiapkan kertas projek ini, tidak ketinggalan kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan semangat yang kental di dalam menjayakan kajian ini. Semoga Allah sahaja yang dapat membalas jasa kalian semua.

Wasalam.

Penghargaan dari kami

Mohd Fakhrurazi Bin Yahya

Suhaimi bin Abd. Rahim

Jamaludin Bin Mat Noh.

## SINOPSIS

Memang tidak dapat dinafikan bahawa bidang kesihatan awam banyak memberikan sumbangan yang bermakna bagi mempertingkatkan status kesihatan rakyat Malaysia. Program pendidikan Kesihatan yang merupakan salah satu daripada bidang kesihatan awam sedikit sebanyak telah dapat mempengaruhi tingkahlaku serta taraf kesihatan komuniti dan dapat memahami segala bentuk keperluan kumpulan sasaran. Kajian luar yang telah dibuat merangkumi pelbagai perkara iaitu proses menyebut kenyataan masalah, pemilihan tingkahlaku serta faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku dan seterusnya menjalankan diagnosis pendidikan sehingga membuat pelan perancangan pendidikan kesihatan serta pelan pelaksanaan dan akhirnya penilaian projek akan dilakukan. Hasil daripada proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian akan mewujudkan satu rangkaian sistem penyelidikan yang bersistematik yang membolehkan kita menyusuri permasalahan sehingga membolehkan Jabatan Kesihatan membuat intervensi yang sebenar dan tidak lari daripada objektif sebenar sesuatu program itu dijalankan. Pendedahan kepada proses melakukan kepada program pendidikan kesihatan ini yang bermula daripada proses awal iaitu diagnosis komuniti sehingga penilaian projek pendidikan kesihatan telah memberi ruang kepada peluang-peluang kerjasama di antara Jabatan Kesihatan dengan pihak sekolah serta sehingga terhasilnya pelbagai aktiviti yang diharap akan mengubah tingkahlaku yang telah dipilih. Adalah diharapkan selepas daripada program pendidikan kesihatan yang dirancang dan aktiviti yang telah dilaksanakan itu akan berupaya untuk mengubah segala tingkahlaku, persepsi atau pengetahuan yang negatif kepada sesuatu yang lebih positif lagi. Segala program yang diatur ini adalah berdasarkan kepada penemuan yang diperolehi hasil daripada diagnosis pendidikan dan dirancang sejajar dengan objektif asal iaitu untuk mengubah tingkahlaku negatif terhadap tingkahlaku yang terpilih dan akan melakukan intervensi kepada kumpulan sasaran supaya dapat membuat perubahan dan melakukan perkara yang positif.

## KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS (BAHASA MELAYU)	v
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI PETA	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB I	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah	1
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Metodologi	5
1.4 Hipotesis	6
1.5 Kajian-kajian Lepas	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10